

Kehadiran PM Malaysia Dilihat Penting Bagi Sidang Kemuncak OIC - Duta Malaysia Bernama
12 Ogos, 2012
Daripada Azeman Ariffin

JEDDAH, 12 Ogos (Bernama) -- Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pada sesi ke-4 Sidang Kemuncak Luar Biasa Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) di Mekah pada Selasa dan Rabu ini, dilihat sebagai penting untuk negara anggota OIC membincangkan situasi terkini di negara-negara dan dunia Islam.

Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi Datuk Syed Omar Al Saggaf berkata, Malaysia adalah sebuah negara anggota yang dihormati oleh OIC kerana telah memainkan peranan penting dalam menjanakan idea dan menyuarakan pendapat mengenai kedudukan Islam dalam dunia hari ini.

"Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak memenuhi jemputan Raja Arab Saudi, Raja Abdullah Abdul Aziz Al Saud untuk hadir ke sidang kemuncak itu walaupun kesibukan dalam bulan Ramadan di negara," katanya kepada pemberita di sini Ahad.

Sidang Kemuncak Luar Biasa itu bertujuan membincangkan situasi terkini di negara-negara dan dunia Islam dengan hasrat mengembalikan dan mengukuhkan perpaduan umat Islam serata dunia dan memerangi unsur-unsur yang membawa kepada perbalahan dan kekacauan.

Syed Omar berkata mesyuarat sidang kemuncak itu dianjurkan oleh Raja Abdul Aziz dan berlangsung di As-Safa Palace yang terletak bersebelahan Masjidil Haram dan akan bermula selepas solat sunat tarawih sehingga waktu bersahur.

Beliau berkata mesyuarat itu diadakan di Mekah sebagai mengambil semangat Lailatul Qadar dan Perdana Menteri dijangka menyampaikan kenyataan berkenaan pendirian Malaysia terhadap isu-isu yang bakal dibangkitkan pada sidang tersebut.

Sidang Kemuncak itu akan didahului dua mesyuarat persediaan iaitu Mesyuarat Peringkat Pegawai-pegawai Kanan pada Sabtu dan Ahad dan Mesyuarat Peringkat Menteri pada Isnin.

Najib akan diiringi isterinya Datin Sri Rosmah Mansor dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Tan Sri Mohd Radzi Abdul Rahman serta para pegawai pejabat Perdana Menteri dan Wisma Putra.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=687553>